

KOMPETENSI AMALAN TERBAIK KAPASITI PEDAGOGI PEMBELAJARAN BERMAKNA (KPPB) DALAM KALANGAN GURU-GURU PELATIH IPGK PM

BEST PRACTICE COMPETENCY IN PEDAGOGICAL CAPACITY FOR MEANINGFUL LEARNING (KPPB) AMONG TRAINEE TEACHERS AT IPGK PM

Norshidah Abu Hussin, PhD ¹

Nurwaina binti Rasit, PhD, ²

Roslina Mohd Rasdi ³

¹ Institut Pendidikan Guru, Kampus Perempuan Melayu Melaka, 75450 Melaka, Malaysia
(E-mail: norshidah.abu@ipgm.gov.my)

² Jabatan Dasar dan Kualiti, Institut Pendidikan Guru, Kampus Perempuan Melayu Melaka, 75450 Melaka, Malaysia. (E-mail: nurwaina@ipgm.edu.my)

³ Jabatan Bahasa, Institut Pendidikan Guru, Kampus Perempuan Melayu Melaka, 75450 Melaka, Malaysia.
(E-mail: roslina@ipgm.edu.my)

Article history

Received date : 5-12-2024

Revised date : 6-12-2024

Accepted date : 29-1-2025

Published date : 20-2-2025

To cite this document:

Abu Hussin, N., Rasit, N., & Mohd Rasdi, R. (2025). Kompetensi amalan terbaik kapasiti pedagogi pembelajaran bermakna (KPPB) dalam kalangan guru-guru pelatih IPGK PM. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (70), 90 - 102.

Abstrak: Pelaksanaan Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna (KPPB) di Institut Pendidikan Guru (IPG) menitikberatkan pengetahuan dan kemahiran agar dapat diaplikasikan oleh guru-guru pelatih bagi menangani masalah dunia dan realiti kehidupan. KPPB merupakan satu inovasi pedagogi yang dapat meningkatkan kemahiran instruksional para pensyarah dalam menyampaikan proses pengajaran dan pembelajara secara lebih bermakna dan berkualiti. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti kompetensi amalan terbaik KPPB dalam kalangan guru-guru pelatih dari aspek sikap, pengetahuan dan kemahiran. Untuk tujuan ini, satu set soal selidik jenis skala Likert telah diedarkan kepada 222 orang guru pelatih yang dipilih secara teknik persampelan rawak mudah dari pelbagai opsyen. Kajian ini merupakan kajian rekabentuk tinjauan (survey) dan menggunakan kaedah analisis data secara kuantitatif dan dianalisis secara deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap sikap guru-guru pelatih IPGK PM dalam pelaksanaan KPPB berada pada tahap tinggi dengan nilai (Min = 4.22; SP= 0.33). Manakala tahap pengetahuan guru-guru pelatih juga menunjukkan berada pada tahap tinggi dengan nilai (Min=4.07; SP=0.39). Namun, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kemahiran guru-guru pelatih pula berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai (Min = 3.99, SP =0.39). Ini menunjukkan bahawa guru-guru pelatih mempunyai sikap dan pengetahuan yang tinggi terhadap pelaksanaan KPPB di IPG, namun perlu meningkatkan kemahiran mereka dalam menguasai proses pelaksanaan KPPB itu sendiri. Justeru, peranan para pensyarah amat diperlukan bagi memberikan bimbingan yang berterusan kepada para guru pelatih agar mereka dapat memahami proses pelaksanaan KPPB dengan lebih mendalam.

Kata Kunci: *kompetensi, amalan terbaik, sikap, pengetahuan, kemahiran*

Abstract: *The implementation of Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna (KPPB) at the Teacher Education Institute (IPG) emphasizes the development of knowledge and skills, enabling trainee teachers to address real-world problems and navigate the realities of life effectively. KPPB is also a pedagogical innovation that enhances lecturers' instructional skills, enabling them to deliver the teaching and learning process in a more meaningful and high-quality manner. This study aims to identify the competence of trainee teachers in implementing the best practices of KPPB, focusing on their attitudes, knowledge, and skills. To achieve this objective, a Likert-scale questionnaire was administered to 222 trainee teachers, selected through a simple random sampling technique from various specializations. This survey design study uses quantitative data analysis methods and is analyzed descriptively. The findings of this study show that the level of attitude of IPGK PM trainee teachers in the implementation of KPPB is at a high level with values (Mean = 4.22; SD = 0.33). The level of knowledge of trainee teachers is also shown to be at a high level with value (Mean=4.07; SD=0.39). However, the study's findings show that the trainee teachers' skill level is at a moderately high level with a value (Mean = 3.99, SD = 0.39). This indicates that trainee teachers have a positive attitude and good knowledge regarding the implementation of KPPB in IPG but need to enhance their skills in mastering the implementation process itself. Therefore, lecturers play a crucial role in providing continuous guidance to trainee teachers, enabling them to gain a deeper understanding of the KPPB implementation process.*

Keywords: *competency, best practice, attitude, knowledge, skills*

Pengenalan

Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna atau lebih dikenali dengan KPPB ialah satu kaedah yang dicadangkan untuk memantapkan pedagogi pensyarah bagi membimbing guru pelatih selaras dengan peranan pensyarah sebagai pembimbing instruksional. Ianya adalah salah satu inisiatif Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di bawah Inisiatif Perluasan Penggunaan Teknologi Digital dalam Pengajaran dan Pembelajaran. Walau bagaimanapun, terdapat banyak cabaran untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang baik terutamanya dalam aspek pedagogi dan penilaian (Fullan, 2013). Pengubahsuaian kaedah pengajaran, keperluan tugas dan proses penilaian perlu dilakukan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran terutama dalam program pendidikan guru.

Matlamat KPPB adalah bertujuan untuk menyediakan pelajar untuk menghadapi situasi sebenar di alam pendidikan yang mengintegrasikan elemen kurikulum, pentaksiran dan pedagogi di samping untuk memantapkan pengetahuan dan kemahiran pelaksanaan perkembangan pendidikan terkini. Ini bagi melahirkan guru-guru pelatih yang mempunyai kompetensi secara holistik dari aspek pengetahuan, sikap dan kemahiran; di mana semua elemen-elemen ini akan digunapakai dalam menghadapi dunia sebenar cabaran pendidikan pada masa akan datang.

Di antara ciri-ciri pembelajaran abad ke-21 ialah pembelajaran bermakna atau *deep learning* yang berteraskan elemen kolaboratif, kreativiti, pemikiran kritikal dan nilai-nilai murni (Noradzimah et al, 2021). Oleh yang demikian, pelaksanaan KPPB di peringkat institut pendidikan guru adalah selaras dengan perkembangan pembelajaran abad ke-21 kerana ia merupakan satu bentuk inovasi pedagogi. Kompetensi para pensyarah dalam

mengimplementasikan pendekatan beberapa model KPPB dalam proses pelaksanaannya dapat membina satu perubahan dan inovasi dalam corak penyampaian mereka di dalam PdP. Para pelajar akan dilatih menggunakan pengetahuan dan kemahiran isi kandungan yang dipelajari untuk meneroka dan mencipta pengetahuan dan kemahiran yang baharu. Pengetahuan dan kemahiran baharu yang diperolehi adalah penting untuk pelajar mendepani dan menyelesaikan permasalahan dalam kehidupan. Zaliah (2021) menjelaskan bahawa ilmu yang dipelajari perlu dikuasai dalam diri pelajar sepanjang hayat, di samping berusaha meningkatkan penglibatan dan aspirasi perhubungan pelajar dengan dunia sebenar di samping mengutamakan nilai-nilai kerohanian yang sedia ada.

Di sebalik pelaksanaan KPPB ini di peringkat IPG, terdapat beberapa cabaran utama yang dihadapi di mana bagaimanakah para pelajar dapat mengaplikasikan segala ilmu pengetahuan yang dipelajari disamping menggunakan pelbagai sumber teknologi bagi melaksanakan pembelajaran dan pembelajaran yang efektif, berkualiti dan relevan dengan perkembangan semasa. Ini adalah tujuan untuk melahirkan guru pelatih yang produktif tinggi, mahir dalam komunikasi, mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi serta mahir dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) (Buletin Anjakan, 2015). Dalam menghadapi cabaran utama ini, maka aspek pengetahuan, sikap dan kemahiran guru-guru pelatih perlu dititikberatkan agar pelaksanaan KPPB ini dapat dilaksanakan secara berkesan dan bermakna di dalam diri mereka.

Pernyataan masalah

KPPB mencerminkan pendekatan yang berbeza untuk mengajar, belajar, dan mentaksir secara menyeluruh dan holistik sambil menghasilkan perkara yang relevan dengan dunia di sekeliling kita. Kapasiti pedagogi pembelajaran bermakna adalah keinginan untuk mengubah bentuk pendidikan bagi menyediakan pelajar yang lebih baik untuk dunia persekitaran mereka (Fullan, 2013). Pelaksanaan KPPB di IPGK Perempuan Melayu Melaka (IPGK PM) bermula pada tahun 2020, iaitu fasa terakhir untuk peluasan sepenuhnya kepada 27 IPGK. IPGK melalui projek rintis KPPB telah melaksanakan rintis pada tiga buah IPGK pada 2018, diikuti oleh 14 buah IPGK dan terakhir pada 2020, sebanyak 10 buah IPGK diberi pendedahan termasuk IPGK PM. Pelaksanaan KPPB di peringkat IPGK PM pada masa kini adalah berfokus kepada memperkasakan keupayaan dan kompetensi para pensyarah dan guru-guru pelatih dalam mengaplikasikan pembelajaran bermakna dalam semua kursus yang ditawarkan pada setiap semester.

Namun, beberapa kajian yang dilakukan dalam kalangan guru-guru pelatih di Institut Pendidikan Guru (IPG) mendapati bahawa konsep KPPB masih belum dapat difahami dengan jelas oleh mereka (Abdullah & Ismail, 2018). Muhammad Ayisy dan Mohd Ashraf (2019) menjelaskan bahawa walaupun guru-guru pelatih menunjukkan kesediaan pada tahap yang tinggi, tetapi mereka mempunyai tahap pengetahuan yang rendah tentang cara pelaksanaan KPPB. Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna (KPPB) menggalakkan pelajar meneroka maklumat penyelesaian masalah atau meningkatkan pemikiran yang lebih kritis serta analitikal. Kesepaduan beberapa kursus dengan merungkai dan merangkai Maklumat Kursus/Ringkasan Maklumat Kursus dapat mempromosi konsep pembelajaran sendiri dan *blended learning*. Pelaksanaan KPPB juga memfokuskan pembelajaran secara aktif iaitu kebolehan pelajar dalam menyelesaikan masalah dunia sebenar dan menyediakan alternatif penyelesaian masalah tersebut. Maka dapat dilihat bahawa proses pelaksanaan KPPB ini memerlukan kejelasan dan kesediaan pensyarah dan guru-guru pelatih dalam merealisasikannya. Oleh yang demikian,

kajian ini akan mengenal pasti tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru-guru pelatih di IPG Kampus Perempuan Melayu dalam pelaksanaan KPPB di institusi tersebut.

Kajian Literatur

Fullan et al., (2019) memfokuskan kepada empat komponen utama iaitu amalan pedagogi, persekitaran pembelajaran, pemanfaatan digital dan rakan pembelajaran melalui Model Reka Bentuk Pembelajaran dalam usaha meningkatkan penguasaan pembelajaran bermakna dalam kalangan pelajar. Model Pembelajaran Murid yang menekankan tiga komponen lain iaitu perhubungan, aspirasi dan belajar cara belajar turut difokuskan bagi meningkatkan kompetensi pelajar dalam melaksanakan proses KPPB ini. Ia merupakan satu nilai tambah yang dapat mengukuhkan pengetahuan dan pengalaman pelajar agar mapan dan utuh menghadapi cabaran pendidikan dan realiti kehidupan pada masa akan datang. Pendekatan yang diketengahkan dalam Model Kompetensi Global 6C yang mewakili kecekapan atau kompetensi dalam tugas pembelajaran bermakna dapat membantu para pensyarah dan guru-guru pelatih melaksanakan tugas pengajaran dan pembelajaran tersebut dengan lebih relevan dan bermakna.

Pengetahuan, Sikap dan Kemahiran Guru-Guru Pelatih di IPG

Munira et al., (2022) menjelaskan bahawa setiap guru pelatih perlu dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran melaksanakan KPPB supaya mereka berkeyakinan dan mahir untuk merungkai dan merangkai kurikulum. Aspek pengetahuan ini perlu diberi perhatian kerana ia merupakan langkah pertama di dalam proses melaksanakan KPPB. Pengetahuan merujuk kepada input yang diperoleh oleh seseorang sama ada melalui pengalaman, pendidikan formal ataupun tidak formal serta melibatkan proses kognitif Siti Fatimah, Nurul Ilyana dan Siti Nurul Hidayah (2018). Kemahiran ini penting kerana merungkai dan merangkai adalah proses perancangan pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian Munira et al., (2022) menjelaskan bahawa guru-guru pelatih mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran yang sederhana tinggi dalam melaksanakan KPPB. Mereka dapat memahami keperluan dan kepentingan pelaksanaan KPPB tetapi dalam masa yang sama perlu ada usaha bagi meningkatkan pengetahuan mereka agar dapat diaplikasikan dalam dunia sebenar apabila berada di sekolah nanti.

Pelaksanaan KPPB juga memerlukan guru-guru pelatih untuk mencipta pengetahuan baru dan menyambungkannya ke dunia sebenar dengan menggunakan penguasaan alat digital. Fullan, Quinn dan McEachen (2018) menjelaskan bahawa terdapat empat bahagian yang penting dalam kapasiti pedagogi pembelajaran bermakna iaitu amalan pedagogi, pemanfaatan digital, rakan pembelajaran dan persekitaran pembelajaran. Ianya dapat diterjemahkan ke dalam satu bentuk model yang dikenali sebagai Model Rekabentuk Pembelajaran. Model ini menekankan perkongsian pembelajaran antara pelajar dengan pelajar dan antara pelajar dan guru. Manakala rakan pembelajaran bermakna pelajar memerlukan kerjasama daripada rakan pembelajaran lain seperti ibu bapa, pakar dalam bidang dan masyarakat untuk menyokong pelajar mendapatkan ilmu yang baru melalui input, nasihat dan pengalaman yang bermakna. Aspek penguasaan digital pula melibatkan kemahiran para pelajar dalam mengaplikasikan pelbagai alat perisian digital yang dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran mereka. Menurut Ahmad et al. (2022), pengetahuan tentang konstruktivisme, konteks dunia sebenar, dan keterlibatan pelajar adalah kritikal untuk pelaksanaan KPPB. Guru pelatih perlu memahami bagaimana mengaitkan pembelajaran dengan situasi kehidupan sebenar untuk menjadikannya relevan dan bermakna. Atas dasar ini, dapat dilihat bahawa aspek pengetahuan, sikap dan kemahiran guru-guru pelatih amat penting dalam usaha melaksanakan proses KPPB dalam pembelajaran mereka.

Sikap bermaksud tingkah laku seseorang individu terhadap sesuatu perkara (Nur Athirah & Faridah, 2017). Ianya melibatkan kepercayaan, perasaan dan pemikiran yang mempengaruhi individu dalam memberikan nilai kepada sesuatu yang diminati atau sebaliknya. Manakala kemahiran mengikut Kamus Dewan Bahasa (Edisi ke-3), didefinisikan sebagai kecekapan atau kepandaian. Pelaksanaan KPPB mengaplikasikan Model Pembelajaran Murid dalam aspek perhubungan, aspirasi dan belajar cara belajar serta Model Kompetensi Global 6C yang melibatkan elemen iaitu komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti, kewarganegaraan dan karakter. Dalam proses ini, dapat dilihat bahawa sikap dan kemahiran guru pelatih terhadap elemen-elemen tersebut amat penting dalam usaha merealisasikan pelaksanaan KPPB yang memfokuskan strategi berpusatkan murid dan aplikasi pembelajaran abad ke 21.

Pelaksanaan KPPB adalah sejajar dengan perkembangan pembelajaran abad ke-21 (PAK21). Maka proses pelaksanaan KPPB ini menuntut usaha yang jitu daripada para pensyarah IPG dan guru-guru pelatih untuk melengkapkan diri dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap mereka terhadap KPPB. Ianya mengkehendaki dan memerlukan guru pelatih untuk mencipta pengetahuan yang baru, belajar cara belajar serta mentaksir secara holistik agar dapat diaplikasikan ke dunia sebenar.

Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan (survey) dan menggunakan kaedah analisis data secara kuantitatif. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti kompetensi amalan terbaik kapasiti pedagogi pembelajaran bermakna (KPPB) dalam kalangan guru-guru pelatih IPG KPM dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap. Sampel kajian adalah terdiri daripada 222 orang guru-guru pelatih yang terdiri daripada pelbagai opsyen atau bidang yang diikuti di IPGM KPM. Kaedah persampelan dalam kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak mudah di mana setiap responden berpeluang dan kebarangkalian untuk dipilih menjadi sampel kajian. Dalam konteks kajian ini, satu set soal selidik telah dibina sendiri oleh pengkaji bagi mengukur konstruk-konstruk kajian secara terperinci dan menyeluruh iaitu pengetahuan, kemahiran dan sikap. Pengubahsuaian telah dilakukan ke atas item-item terpilih berdasarkan pandangan pakar dan dapatan kajian rintis. Semakan pakar adalah perlu untuk memastikan ketepatan konstruk serta kejelasan kandungan (Kline, 2005). Instrumen kajian yang dibina telah diberikan kepada pakar yang mempunyai kemahiran dalam bidang yang berkaitan untuk disemak bagi memastikan isi kandungannya bersesuaian dan menepati matlamat kajian. Kesemua item soal selidik ini telah diuji kesahan dan kebolehpercayaannya melalui kajian rintis yang telah dilaksanakan. Nilai Cronbach Alpha yang telah dicapai dalam kajian rintis adalah 0.956 dan mengikut Hair et al., (2010) nilai ini telah mencapai tahap yang terbaik. Soal selidik dalam kajian ini adalah berdasarkan skala Likert lima mata. Pengkaji menggunakan statistik deskriptif untuk menilai min, sisihan piawai dan kekerapan bagi mengukur tahap konstruk-konstruk kajian.

Objektif Kajian

Objektif bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- 1) Mengetahui tahap kompetensi amalan terbaik kapasiti pedagogi pembelajaran bermakna (KPPB) dalam kalangan guru-guru pelatih IPG KPM dari aspek pengetahuan.
- 2) Mengetahui tahap kompetensi amalan terbaik kapasiti pedagogi pembelajaran bermakna (KPPB) dalam kalangan guru-guru pelatih IPG KPM dari aspek kemahiran.
- 3) Mengetahui tahap kompetensi amalan terbaik kapasiti pedagogi pembelajaran bermakna (KPPB) dalam kalangan guru-guru pelatih IPG KPM dari aspek sikap.

Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang telah digariskan di dalam kajian ini adalah seperti berikut:-

- 1) Apakah tahap kompetensi amalan terbaik kapasiti pedagogi pembelajaran bermakna (KPPB) dalam kalangan guru-guru pelatih IPG KPM dari aspek pengetahuan?
- 2) Apakah tahap kompetensi amalan terbaik kapasiti pedagogi pembelajaran bermakna (KPPB) dalam kalangan guru-guru pelatih IPG KPM dari aspek kemahiran?
- 3) Apakah tahap kompetensi amalan terbaik kapasiti pedagogi pembelajaran bermakna (KPPB) dalam kalangan guru-guru pelatih IPG KPM dari aspek sikap?

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Pelaksanaan Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna adalah aspek utama yang menjadi persoalan kajian. Kajian ini adalah bagi mengenal pasti apakah tahap kompetensi amalan terbaik kapasiti pedagogi pembelajaran bermakna (KPPB) dalam kalangan guru-guru pelatih IPG KPM dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap. Jadual 1 menunjukkan skor min, sisihan piawai dan interpretasi min bagi min keseluruhan konstruk-konstruk kajian berdasarkan set soal selidik yang diisi oleh 222 orang guru-guru pelatih.

Jadual 1: Analisis Deskriptif Bagi Konstruk Kajian

Konstruk	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Pengetahuan	4.08	0.39	Tinggi
Kemahiran	3.99	0.40	Sederhana Tinggi
Sikap	4.22	0.33	Tinggi

Jadual 1 menunjukkan nilai min, sisihan piawai dan interpretasi bagi konstruk pengetahuan, kemahiran. Min yang paling tertinggi telah dicapai bagi konstruk sikap iaitu 4.22 (SP = 0.33) yang berada pada tahap tinggi, diikuti dengan konstruk pengetahuan iaitu dengan nilai min 4.08 (SP= 0.39) yang juga berada pada tahap yang tinggi. Manakala min yang paling rendah di antara ketiga-tiga konstruk tersebut adalah konstruk kemahiran dengan nilai min 3.99 (SP = 0.40) yang berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan sikap guru-guru pelatih terhadap pelaksanaan KPPB di IPG secara keseluruhannya adalah pada tahap yang tinggi. Manakala aspek kemahiran guru-guru pelatih terhadap pelaksanaan KPPB perlu dipertingkatkan lagi kerana menunjukkan tahap yang sederhana tinggi. Perincian kepada setiap konstruk kajian akan dibincangkan satu persatu di bawah ini untuk menunjukkan gambaran yang lebih jelas tentang tahap kompetensi amalan terbaik kapasiti pedagogi pembelajaran bermakna (KPPB) dalam kalangan guru-guru pelatih IPG KPM dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap. Skor min diukur berdasarkan pengukuran skor min dan interpretasi oleh Nunnally & Bernstein (1994). Jadual pengukuran tahap skor min oleh Nunnally & Bernstein (1994) ini adalah berdasarkan kepada empat tahap pengukuran skor min. Interpretasi skor min tersebut digunakan untuk menentukan tahap persetujuan atau penilaian responden.

Tahap Kompetensi Amalan Terbaik Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna (KPPB) Dalam Kalangan Guru-Guru Pelatih IPG KPM Dari Aspek Pengetahuan

Pengetahuan melibatkan proses kognitif dan ianya merujuk kepada input yang diperolehi oleh seseorang sama ada melalui pengalaman, pendidikan formal ataupun tidak formal (Tuan Rahayu et al.,2017; Siti Fatimah et al., 2018). Jadual 2 di bawah menunjukkan taburan

kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan interpretasi min bagi tahap pengetahuan guru-guru pelatih IPGK PM dalam pelaksanaan kapasiti pedagogi pembelajaran bermakna (KPPB).

Jadual 2: Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Bagi Konstruk Pengetahuan

Item	Aspek	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
A1	Saya tahu melaksanakan KPPB dalam PdP.	1 (0.4%)	4 (1.8%)	41 (18.4%)	147 (65.9%)	29 (13%)	3.90	0.65	Sederhana Tinggi
A2	Model KPPB adalah sesuai dengan kurikulum semasa.	-	1 (0.4%)	8 (3.6%)	144 (64.6%)	69 (30.9%)	4.27	0.54	Tinggi
A3	Saya menggunakan model-model KPPB yang sesuai dalam PdP.	-	3 (1.3%)	24 (10.8%)	157 (70.4%)	38 (17.0%)	4.04	0.58	Tinggi
A4	Saya menggunakan contoh-contoh pelaksanaan KPPB yang lepas untuk persediaan showcase.	-	4 (1.8%)	21 (9.4%)	165 (74.0%)	32 (14.3%)	4.01	0.56	Tinggi
A5	Saya mempunyai peluang dan potensi untuk melaksanakan KPPB	-	5 (2.2%)	43 (19.3%)	141 (63.2%)	33 (14.8%)	3.91	0.65	Sederhana Tinggi
A6	Saya tahu merangkai dan merungkai kurikulum.	2 (0.9%)	2 (0.9%)	49 (22.0%)	139 (62.3%)	30 (13.5%)	3.87	0.68	Sederhana Tinggi
A7	Saya merujuk bahan-bahan berkaitan KPPB untuk menambah ilmu pengetahuan.	-	1 (0.4%)	9 (4.0%)	162 (72.6%)	50 (22.4%)	4.18	0.50	Tinggi
A8	Saya percaya bahawa KPPB adalah inovasi pedagogi dalam kurikulum pendidikan guru.	-	-	1	146	75	4.33	0.48	Tinggi
A9	Saya tahu proses pelaksanaan KPPB dengan baik.	-	3	49	143	27	3.87	0.62	Sederhana Tinggi
A10	Saya tahu bahawa rakan pembelajaran adalah salah satu elemen penting dalam KPPB..	-	-	3	125	94	4.41	0.52	Tinggi
	Min Keseluruhan						4.08	0.39	Tinggi

Dapatan jadual 2 menunjukkan bahawa kompetensi amalan terbaik Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna (KPPB) dalam kalangan guru-guru pelatih IPG KPM dari aspek pengetahuan secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai Min 4.08 (SP=0.39). Terdapat enam aspek yang menunjukkan tahap min yang tinggi iaitu pada item A2, A3, A4, A7, A8 dan A10. Manakala empat aspek lagi berada pada tahap sederhana tinggi iaitu pada item A1, A5, A6 dan A9. Kesemua nilai min bagi setiap aspek adalah berada pada nilai min di antara 3.87 hingga 4.41. Min yang paling tinggi diperoleh adalah pada item A10 dengan nilai min 4.41 (SP=0.52) pada aspek 'saya tahu bahawa rakan pembelajaran adalah salah satu elemen penting dalam KPPB'. Manakala min yang paling terendah adalah pada item A6 dengan nilai min 3.87 (SP=0.68) iaitu pada aspek 'saya tahu merangkai dan merungkai kurikulum', dan pada item A9 dengan nilai min 3.87 (SP=0.62) pada aspek 'saya tahu proses pelaksanaan KPPB dengan baik'. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru-guru pelatih IPGK PM mempunyai pengetahuan yang luas terhadap pelaksanaan KPPB meliputi konsep, model, tujuan, elemen, sumber dan proses yang terlibat dalam melaksanakannya. Pengetahuan ini dapat dibina apabila pada setiap semester guru-guru pelatih telah didedahkan amalan dan proses pelaksanaan KPPB menerusi tugas pentaksiran berterusan bagi sesuatu kursus yang diikuti. Ianya turut disokong dengan aktiviti-aktiviti di dalam dan di luar bilik kuliah serta menjalinkan kolaborasi dengan rakan pembelajaran atau *learning partnership*. Selain itu, guru-guru pelatih juga diberi peluang untuk terlibat sama dalam showcase KPPB bagi perkongsian amalan dan pengalaman melaksanakan KPPB dalam semester semasa.

Tahap Kompetensi Amalan Terbaik Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna (KPPB) Dalam Kalangan Guru-Guru Pelatih IPG KPM Dari Aspek Kemahiran.

Kemahiran didefinisikan sebagai kecekapan atau kepandaian seseorang individu dalam melaksanakan sesuatu tugas atau amalan (Kamus Dewan Bahasa (Edisi Ketiga)). Dalam konteks pelaksanaan KPPB, kemahiran guru pelatih merujuk kepada kemahiran guru-guru pelatih dalam melaksanakan elemen-elemen yang terdapat model-model KPPB seperti yang telah dibahaskan. Jadual 3 di bawah menunjukkan taburan kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan interpretasi min bagi tahap kemahiran guru-guru pelatih IPGK PM dalam pelaksanaan kapasiti pedagogi pembelajaran bermakna (KPPB).

Jadual 3: Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Bagi Konstruk Kemahiran

Item	Aspek	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
B1	Saya dapat merangkai dan merungkai kurikulum dengan baik.	-	3 (1.3%)	51 (22.9%)	145 (65%)	23 (10.3%)	3.85	0.61	Sederhana Tinggi
B2	Saya berkongsi dengan orang lain tentang KPPB yang dilaksanakan.	-	1 (0.4%)	18 (8.1%)	161 (72.2%)	42 (18.8%)	4.10	0.53	Tinggi
B3	Saya memanfaatkan penggunaan digital sehingga tahap 'extension' (3E).	-	2 (0.9%)	43 (19.3%)	143 (64.1%)	34 (15.2%)	3.94	0.62	Sederhana Tinggi
B4	Saya boleh membangunkan produk akhir /	2 (0.9%)	3 (1.3%)	37 (16.6%)	145 (65%)	35 (15.7%)	3.94	0.68	Sederhana Tinggi

	Objek Pembelajaran Digital (OPD) melalui amalan KPPB..								
B5	Saya boleh menerangkan konsep mikro dan makro dengan baik.	-	3 (1.3%)	31 (13.9%)	163 (73.1%)	25 (11.2%)	3.95	0.55	Sederhana Tinggi
B6	Saya boleh membina pelan pembelajaran bermakna.	-	1 (0.4%)	30 (13.5%)	154 (69.1%)	37 (16.6%)	4.02	0.57	Tinggi
B7	Saya dapat menjajarkan kemahiran insaniah di dalam hasil pembelajaran yang ditetapkan berdasarkan Model Kompetensi Global 6C.	-	1 (0.4%)	24 (10.8%)	160 (71.7%)	37 (16.6%)	4.05	0.54	Tinggi
B8	Saya dapat mengaplikasikan semua model KPPB dalam PdP.	-	5 (2.2%)	55 (24.7%)	131 (58.7%)	31 (13.9%)	3.85	0.68	Sederhana Tinggi
B9	Saya dapat melibatkan rakan pembelajaran dalam aktiviti PdP.	-	1 (0.4%)	8 (3.6)	158 (70.9%)	55 (24.7%)	4.20	0.51	Tinggi
B10	Saya dapat melaksanakan KPPB dengan proses yang betul.	-	2 (0.9%)	30 (13.5%)	156 (70.0%)	34 (15.2%)	4.00	0.57	Tinggi
	Min Keseluruhan						3.99	0.40	Sederhana Tinggi

Dapatan jadual 3 menunjukkan bahawa kompetensi amalan terbaik Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna (KPPB) dalam kalangan guru-guru pelatih IPG KPM dari aspek kemahiran secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana tinggi iaitu dengan nilai min 3.99 (SP=0.40). Terdapat lima aspek yang menunjukkan tahap min yang tinggi iaitu pada item B2, B6, B7, B9 dan B10. Manakala lima aspek lagi berada pada tahap sederhana tinggi iaitu pada item B1, B3, B4, B5 dan B8. Kesemua nilai min bagi setiap aspek adalah berada pada nilai min di antara 3.85 hingga 4.20. Min yang paling tinggi diperoleh adalah pada item B9 dengan nilai min 4.20 (SP=0.51) pada aspek 'saya dapat melibatkan rakan pembelajaran dalam aktiviti PdP'. Manakala min yang paling terendah adalah pada dua item iaitu item B1 dan B8. B1 mencapai nilai min 3.85 (SP=0.61) iaitu pada aspek 'saya dapat merangkai dan merungkai kurikulum dengan baik.', dan pada item B8 dengan nilai min 3.85 (SP=0.68) pada aspek 'saya dapat mengaplikasikan semua model KPPB dalam PdP.'. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru-guru pelatih IPGK PM mempunyai tahap kemahiran yang sederhana tinggi dalam melaksanakan KPPB. Para pensyarah perlu memberi bimbingan yang berterusan kepada guru-guru pelatih dalam aspek merangkai dan merungkai kurikulum serta proses melaksanakan

KPPB dalam PdP. Ini bagi meningkatkan kemahiran dan potensi mereka melaksanakan KPPB mereka pada tahap yang optimum.

Tahap Kompetensi Amalan Terbaik Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna (KPPB) Dalam Kalangan Guru-Guru Pelatih IPG KPM Dari Aspek Sikap.

Sikap merupakan faktor yang penting dalam melaksanakan sesuatu tugas di mana sikap yang positif dan produktif akan menghasilkan hasil kerja yang berkualiti dan berkesan. Dalam pelaksanaan KPPB aspek sikap telah diberi perhatian kerana ia mencerminkan sejauh mana seseorang pensyarah atau guru pelatih itu dapat melaksanakan segala elemen KPPB seperti yang disarankan. Jadual 3 di bawah menunjukkan taburan kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai dan interpretasi min bagi tahap kemahiran guru-guru pelatih IPGK PM dalam pelaksanaan kapasiti pedagogi pembelajaran bermakna (KPPB).

Jadual 4: Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Bagi Konstruk Sikap

Item	Aspek	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Interpretasi
B1	Saya sentiasa berusaha untuk menambah ilmu tentang KPPB.	-	1 (0.4%)	9 (4.0%)	131 (58.7%)	81 (36.3%)	4.32	0.57	Tinggi
B2	Saya menyokong pihak pengurusan dalam pelaksanaan KPPB di kampus.	-	-	2 (0.9%)	122 (54.7%)	98 (43.9%)	4.43	0.51	Tinggi
B3	Saya berminat untuk melaksanakan KPPB	-	-	20 (0.9)	146 (65.5%)	56 (25.1%)	4.16	0.56	Tinggi
B4	Saya bersedia untuk merangkai dan merungkai KPPB.	-	1 (0.4%)	24 (10.8%)	149 (66.8%)	48 (21.5%)	4.10	0.58	Tinggi
B5	Saya akan merujuk kepada penyelaras/pensyarah untuk melaksanakan KPPB.	-	-	1 (0.4%)	117 (52.5%)	104 (46.6%)	4.46	0.51	Tinggi
B6	Saya memastikan KPPB dilaksanakan mengikut kurikulum yang sedang berkuatkuasa.	-	-	9 (4.0%)	137 (61.4%)	76 (34.1%)	4.30	0.54	Tinggi
B7	Saya mempunyai masa yang mencukupi untuk melaksanakan KPPB.	2 (0.9%)	11 (4.9%)	62 (27.8%)	114 (51.1%)	33 (14.8%)	3.74	0.80	Sederhana Tinggi
B8	Saya merujuk kepada model-model KPPB yang ada	-	2 (0.9%)	16 (7.2%)	144 (64.6%)	60 (26.9%)	4.18	0.59	Tinggi
B9	Saya melaksanakan KPPB mengikut proses yang sistematik.	-	1 (0.4%)	16 (7.2%)	152 (68.2%)	53 (23.8%)	4.16	0.55	Tinggi
B10	KPPB bertujuan untuk memudahkan pelaksanaan PDP dan membantu pemahaman pelajar	-	-	8 (3.6%)	125 (56.1%)	89 (39.9%)	4.36	0.55	Tinggi

	tentang kurikulum yang dipelajari dalam kehidupan sebenar.								
	Min Keseluruhan						4.22	0.33	Tinggi

Dapatan jadual 4 menunjukkan bahawa kompetensi amalan terbaik Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna (KPPB) dalam kalangan guru-guru pelatih IPG KPM dari aspek sikap secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi iaitu dengan nilai min 4.22 (SP=0.33). Kesemua aspek menunjukkan tahap min yang tinggi kecuali pada item B7 yang menunjukkan tahap min yang sederhana tinggi iaitu pada nilai min 3.74 (SP=0.80). Kesemua nilai min bagi setiap aspek adalah berada pada nilai min di antara 3.74 hingga 4.46. Min yang paling tinggi diperoleh adalah pada item B5 dengan nilai min 4.46 (SP=0.51) pada aspek 'saya akan merujuk kepada penyelarar atau pensyarah untuk melaksanakan KPPB. Manakala min yang paling terendah adalah pada item B7 dengan nilai min 3.74 (SP=0.80) iaitu pada aspek 'saya mempunyai masa yang mencukupi untuk melaksanakan KPPB'. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru-guru pelatih IPGK PM mempunyai tahap kompetensi yang tinggi dalam aspek sikap dalam melaksanakan KPPB. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa kesediaan pelajar telah wujud dalam diri mereka bai melaksanakan KPPB. Pensyarah perlu membuat perancangan yang awal yang strategik agar dapat melaksanakan proses KPPB bersama para pelajar pada masa yang mencukupi. Para pensyarah perlu juga sentiasa memberi sokongan dan motivasi kepada para pelajar khususnya dalam melaksanakan tugas pentaksiran berterusan yang bermakna dan aktiviti yang melibatkan rakan-rakan pembelajaran.

Kajian oleh Noradzimah Abd Majid (2021) menjelaskan bahawa persepsi guru pelatih terhadap keupayaan mereka dalam melaksanakan tugas kerja kursus ini adalah sangat baik sebagai tindak balas terhadap peningkatan dalam pembelajaran yang berkualiti. Guru pelatih juga menyarankan agar mereka perlu diberi masa yang mencukupi, maklumat yang jelas dan bimbingan secara berterusan oleh para pensyarah. Situasi ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa sikap dan kesediaan guru-guru pelatih dalam melaksanakan KPPB berada pada tahap yang tinggi. Dapatan pengkaji dalam kajian ini turut mendapati bahawa kesediaan guru pelatih juga dapat dilihat dalam pelbagai aspek termasuk keupayaan memimpin pembelajaran mereka sendiri bagi membina pengetahuan yang baru, membuat penambahbaikan dalam tugas dan maklum balas yang diberikan oleh pakar. Mereka juga didapati mempunyai sikap yang positif dengan mempunyai kesediaan yang tinggi untuk membuat perkongsian amalan dalam pembelajaran bermakna terutamanya dalam aktiviti PdP dan showcase KPPB.

Rumusan Dan Cadangan

Pelaksanaan KPPB adalah bertujuan bagi menggalakkan para guru pelatih dalam meneroka dan mencipta pengetahuan baharu serta berupaya menyelesaikan masalah dalam dunia sebenar kehidupan. Ia juga merupakan satu bentuk inovasi pedagogi dalam memantapkan kemahiran dan kapasiti instruksional pensyarah IPG bagi memacu penguasaan pembelajaran bermakna dalam kalangan guru-guru pelatih. Bagi memastikan pelaksanaan KPPB dapat dilaksanakan dengan berkesan, maka ia memerlukan kesediaan para pensyarah dan guru-guru pelatih dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap. Justeru peranan para pensyarah dalam melatih bakal guru dengan mengoptimumkan pengalaman dan kompetensi mereka melalui aspek-aspek tersebut wajar diberi perhatian. Guru-guru pelatih juga berperanan dalam melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan cakna dengan perkembangan pendidikan negara agar selari dengan perkembangan PAK-21. Usaha murni ini diharapkan dapat melahirkan insan guru yang kompeten dan kalis menghadapi cabaran pendidikan negara pada masa akan datang.

Penghargaan

Kami mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih kepada pihak pengurusan tertinggi, panel pakar instrumen soal selidik dan para guru pelatih IPGM Kampus Perempuan Melayu di atas sokongan dan kerjasama yang diberikan dalam usaha pengkaji menghasilkan kajian ini.

Rujukan

- Abdul Hadi Mat Dawi (2021). Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna V2.0: Pengenalan Konsep Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna (KPPB).
<https://www.scribd.com/document/783923584/DrHadi-Pengenalan-Konsep-Kapasiti-Pedagogi-Pembelajaran-Bermakna-13122020>
- Cecilia Kong Pick Chuen & Mohamed Yusoff Mohd Nor (2020). Tahap Kesiapan dan Keperluan Latihan Guru dan Hubungannya dengan kemampuan melaksanakan Pengajaran Abad ke-21. *Jurnal Dunia Pendidikan*. Vol. 2, No. 4, 142 - 152.
<https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpc/article/view/11849>
- Muhammad Ayisy Baharudin & Mohd Ashraf Ibrahim (2019). Kesiapan Pelaksanaan Pengajaran Abad ke 21 Dalam Kalangan Guru Pelatih Sejarah IPG Zon Selatan. *Jurnal Pendidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 2(5), 32 - 42
<http://www.jossr.com/PDF/JOSSR-2019-05-12-05.pdf>
- Munira Mohsin, Muaaz Muhammad, Rafidah Ruhani, Masitah Taib & Salwati Mohd Diah (2022). Aplikasi Teori ke Praktis: Kesiapan Pelajar Terhadap Pelaksanaan Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna.
<https://tempawan.ipgkik.edu.my/wp-content/uploads/2023/02/9-2022-Tempawan.pdf>
- Manibarathi Nagaretnam & Muhammad Sofwan Mahmud (2022). Kesiapan Guru dan Keberkesanan Pelaksanaan Pengajaran Matematik Abad ke 21 di Sekolah Rendah: Sebuah Tinjauan Literatur. *Malaysian Journal of Sciences and Humanities (MJSSH) 2022*, Volume 7, Issue 11, e001876. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1876>
- Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali (2019). Amalan & Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21. *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management 23 - 24*. November 2019
<https://www.tatiuc.edu.my/assets/files/ICTM19-Papers/ICTM-09.pdf>
- Noradzimah Abdul Majid, Roslan Shaari, Kamaruddin Ilias & Azmi Abdul Hamid (2021). Pelaksanaan Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna (KPPB) Dalam Pentaksiran Kerja Kursus Program PISMP di Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh (IPGK Ipoh). *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, Jilid 19 (Bil. 2) 2021
<https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jd/article/view/16577>
- Nurul Azwani Mohd Idriki & Tan Bee Piang (2022). Aplikasi Pembelajaran Abad ke-21 Dalam Talian: Cabaran Guru Pendidikan Moral. *MJSSH Online: iVolume 6 - Issue 1* (January, 2022). Pages 16 – 55 <https://doi.org/10.33306/mjssh/174>
- Raja Ismail, R. A., & Ismail, D. (2018). Aplikasi 'Konsep 4C' Pembelajaran Abad ke-21 dalam Kalangan Guru Pelatih Pengajian Agama Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail. *Asian People Journal (APJ)*, 1(1), 45-65.
Retrieved from <https://journal.uniswa.edu.my/apj/index.php/apj/article/view/8>
- Ronald Yusri Batahong (2021). Kesiapan Guru Melaksanakan Pembelajaran Abad ke-21: Kajian Kes di SMK Pitas II. *Conference: Prosiding Seminar Penyelidikan dan Inovasi Pendidikan (SPIP2021) IPG Kent Tuaran*. Volume: Tahun 2021
- Siti Iwana Sharizah Abu Samah; Razila Aw Kamaludin; Luqman Hakim Harun (2022). Pemanfaatan Digital dalam Kalangan pensyarah Pendidikan Awal Kanak-kanak (PAKK) melalui Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna (KPPB) dalam Pengajaran dan

Pembelajaran (PdP). *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*. Vol. 15 Special Issue (2022)/eISSN 2821-3173 (14-28) <https://doi.org/10.37134/bitara.vol15.sp.3.2022>
Zaliah Zainuddin (2021). Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna (KPPB)-The Why-The What-The How. <https://www.youtube.com/watch?v=7qsXsMrdCuU>